



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI
BILANGAN 6 TAHUN 2018**

**PENUBUHAN JAWATANKUASA KOMPETENSI DAN PRESTASI
PEGAWAI AWAM NEGERI KELANTAN**

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 6 Tahun 2018 bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa dengan serta merta.
3. Pekeliling Perkhidmatan berkenaan boleh dimuat turun melalui laman web www.kelantan.gov.my.

“RAJA BERDAULAT, NEGERI BERKAT”


DATO' HAJI ADNAN BIN HUSSIN, *D.P.S.K. (Kelantan)*
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
**b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
KOTA DARULNAIM

Bertarikh : 30 Zulkaedah 1439H bersamaan
12 Ogos 2018

Kepada: Semua Ketua Jabatan Negeri
Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Bahagian/Unit Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 6 TAHUN 2018

PENUBUHAN JAWATANKUASA KOMPETENSI DAN PRESTASI PEGAWAI AWAM NEGERI KELANTAN

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri Kelantan bagi penubuhan Jawatankuasa Kompetensi dan Prestasi Pegawai Awam Negeri Kelantan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri Kelantan telah melancarkan Pelan Strategik Kelantan Melangkah Ke hadapan bermula tahun 2016-2025 pada 1 Februari 2015 di Dewan Jamuan Utama, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Kota Bharu dimana perlunya komitmen dan tanggungjawab kakitangan kerajaan bagi menjayakan pelan tersebut.
- 2.2 Semasa Pilihanraya Umum ke-14, kerajaan yang dipilih telah mengeluarkan manifesto yang mana memerlukan tindakan yang cekap dan segera oleh Ketua Jabatan. Pegawai awam yang komited dan berdedikasi merupakan aset penting dalam menjayakan tugas yang diamanahkan.
- 2.3 Bagi menentukan kejayaan ini, pengiktirafan kepakaran pegawai berdasarkan pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert-SME*) dan laluan secara pantas (*fast track*) perlu diambilkira sebagai penghargaan kepada pegawai yang menunjukkan prestasi yang baik.

- 2.4 Bagi tujuan ini, penubuhan Jawatankuasa Kompetensi dan Prestasi Pegawai Awam Negeri Kelantan ditubuhkan untuk menilai dan mengiktiraf pegawai awam melalui kompetensi dan inovasi berdasarkan pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert-SME*) dan laluan secara pantas (*fast track*).

3. OBJEKTIF

- 3.1 Jawatankuasa ini dapat memastikan pegawai yang lebih kompeten mengisi semua jawatan strategik bagi memenuhi keperluan organisasi, kehendak stakeholders dan persekitaran.
- 3.2 Meningkatkan ketelusan dalam urusan pemilihan, penggantian dan penempatan kerana setiap keputusan secara kolektif melalui satu jawatankuasa.
- 3.3 Ia bertujuan untuk meningkatkan motivasi pegawai bagi mencapai tahap yang lebih tinggi seterusnya mengekalkan bakat terbaik dalam perkhidmatan awam.
- 3.4 Memastikan dasar Kerajaan, Pelan Strategik Kelantan Melangkah Ke hadapan dan juga manifesto kerajaan dilaksanakan sepenuhnya oleh Ketua Jabatan dan kakitangan awam Negeri Kelantan.

4. PEMBENTUKAN JAWATANKUASA

4.1 Pembentukan Jawatankuasa adalah seperti berikut :

Pengerusi	:	Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Anggota	:	Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
	:	Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan
Setiausaha	:	Pengarah Pengurusan Sumber Manusia

5. PERANAN JAWATANKUASA

- 5.1 Menentukan calon-calon yang berkelayakan untuk diberi kemajuan secara pakar bidang khusus (*Subject Matter Expert-SME*) dan laluan secara pantas (*fast track*).
- 5.2 Menentukan pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah digariskan oleh kerajaan.
- 5.3 Memilih tidak melebihi 5% pegawai awam daripada perjawatan Negeri Kelantan, Badan Berkanun dan Agensi Negeri bagi diberi Elaun Tidak Berpencen (ETB)
- 5.4 Menilai keberkesanan dan pelaksanaan Pelan Strategik dan manifesto Kerajaan Negeri
- 5.5 Memastikan pegawai awam yang dapat menyelesaikan tugas dengan cepat dan tepat (proaktif) akan diberi Elaun Tidak Berpencen (ETB)
- 5.6 Mengenalpasti dan meluluskan Elaun Tidak Berpencen (ETB) kepada Ketua Jabatan yang mencapai tahap *Key performance Indicator* (KPI) yang telah ditetapkan.

6. PEGAWAI AWAM YANG LAYAK DIPERTIMBANGKAN

- 6.1 Jawatankuasa Kompetensi dan Prestasi Pegawai Awam Negeri Kelantan akan mempertimbangkan pegawai awam untuk tujuan peningkatan laluan kerjaya berdasarkan syarat-syarat seperti berikut :
 - 6.1.1 Pegawai awam yang mencapai markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 90% dan ke atas bagi tiga tahun(3) tahun terkini;
 - 6.1.2 Pegawai yang mempunyai kepakaran dalam bidang khusus (*Subject Matter Expert-SME*)
 - 6.1.3 Diperakukan oleh Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan
 - 6.1.4 Pegawai yang dapat meningkatkan hasil melebihi target dan sasaran dalam buku bajet tahunan
 - 6.1.5 Pegawai yang dapat mencapai KPI dalam melaksanakan tugas sebagaimana kehendak Pelan Strategik Kelantan Melangkah Ke hadapan 2016-2025


- 6.1.6 Pegawai yang berjaya mencapai manifesto Kerajaan Negeri
- 6.1.7 Pegawai yang layak dipertimbangkan juga tertakluk kepada garis panduan yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Kompetensi dan Prestasi Pegawai Awam Negeri Kelantan.

7. TARIKH KUATKUASA

- 7.1 Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini berkuatkuasa dengan serta merta.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, NEGERI BERKAT"



DATO' HAJI ADNAN BIN HUSSIN, D.P.S.K (Kelantan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN**

No. Rujukan : SUK.D.200 (06) 600/9/14 (18)

Bertarikh : 30 Zulkaedah 1439H
12 Ogos 2018

- Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- Semua Ketua Jabatan Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Tempatan
- Semua Ketua Bahagian,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan